



Oleh Presiden Thomas S. Monson

Jadilah Teladan dan Cahaya

Apabila kita mengikut teladan Juruselamat, kita akan berpeluang untuk menjadi cahaya dalam hidup orang lain.

Saudara dan saudari, saya bergembira dapat bersama anda sekali lagi. Sepertimana anda tahu, sejak bulan April, kita telah kehilangan tiga orang Rasul-rasul tersayang: Presiden Boyd K. Packer, Elder L. Tom Perry, dan Elder Richard G. Scott. Mereka telahpun kembali ke rumah syurgawi. Kita merindui mereka. Kita sangat bersyukur ke atas teladan kasih Kristus mereka dan ajaran-ajaran terilham yang telah ditinggalkan kepada kita semua.

Kita dengan mesra mengalu-alukan Rasul-rasul baru, Elder Ronald A. Rasband, Elder Gary E. Stevenson, dan Elder Dale G. Renlund. Lelaki-lelaki ini amat berdedikasi dalam pelayanan Tuhan. Mereka cukup layak untuk memenuhi jawatan penting ini.

Baru-baru ini, semasa saya membaca dan merenungkan ayat suci, dua ayat suci khas telah kekal dalam minda saya. Kita kenali kedua-duanya. Pertamanya adalah Khutbah di atas Bukit: “Hendaklah cahaya kamu juga bersinar di hadapan orang, supaya

mereka melihat perbuatan kamu yang baik, lalu memuji Bapa kamu yang di syurga.”¹ Ayat kedua timbul ke minda saya ketika saya merenungkan maksud yang ayat suci pertama. Ia adalah dari Surat Rasul Paulus kepada Timotius: “Hendaklah engkau menjadi teladan bagi semua orang yang percaya kepada Kristus dengan percakapanmu, kelakuanmu, kasihmu untuk orang lain, imanmu kepada Kristus dan cara hidupmu yang suci.”²

Saya percaya ayat suci yang kedua menerangkan, dengan jelas, bagaimana kita boleh mencapai ayat yang pertama. Kita menjadi teladan mereka yang percaya dengan mematuhi Injil Yesus Kristus dalam kata, pertuturan, ihsan, roh, iman dan kesucian. Apabila kita berbuat demikian, cahaya kita akan bersinar untuk orang lain melihat.

Kita semua yang datang ke bumi telah diberi Cahaya Kristus. Apabila kita mengikut teladan Juruselamat dan menjalankan kehidupan dan mengajar sepertimana Dia telah lakukan, cahaya tersebut akan berbara dalam

diri kita dan menyinari jalan untuk orang lain.

Rasul Paulus menyenaraikan enam sifat-sifat seseorang yang mepercayai, sifat yang akan membenarkan cahaya kita menyinar. Marilah kita melihat setiap sifat-sifat itu.

Saya menyebutkan dua sifat pertama bersama—menjadi teladan dalam kata dan pertuturan. Kata-kata yang kita gunakan boleh mengangakat dan mengilham, atau ia boleh menyakiti dan merendahkan. Dunia hari ini dilimpahi ketidaksenonohan dan kita sentiasa menghadapinya di mana-mana kita pergi. Sangat sukar untuk menghindari diri dari mendengar nama Tuhan diguna dengan sambil lewa. Ulasan-ulasan kasar bagai telah menjadi ruji di television, filem, buku-buku, dan muzik. Penghinaan dan kemarahan menjadi buah mulut ucapan. Marilah kita berbicara bersama dengan kasih sayang dan kehormatan, sentiasa memastikan bahasa yang digunakan bersih dan elakkan kata-kata yang boleh melukai atau menyinggung. Marilah kita ikut teladan Juruselamat, yang bertutur dengan tolak ansur dan baik hati sepanjang pelayanan-Nya.

Sifat seterusnya yang disebut oleh Paulus ialah ihsan, dimana ia telah didefinisikan sebagai “kasih sempurna Kristus.”³ Saya yakin mereka yang boleh dipengaruhi ialah orang yang keseorangan, mereka yang jatuh sakit, dan mereka yang lemah semangat. Kita berpeluang untuk membantu dan memberi galakkan. Juruselamat memberi harapan kepada mereka yang putus asa dan kekuatan kepada

mereka yang lemah. Dia menyembuhkan mereka yang sakit; Dia menjadikan yang lumpuh untuk berjalan, yang buta boleh melihat, yang pekak dapat mendengar. Apatah lagi Dia membangkitkan mereka yang sudah mati. Sepanjang pelayanan-Nya Dia memberi dengan ihsan kepada mereka yang memerlukannya. Apabila kita mengikut teladan-Nya, kita akan membertakati kehidupan-kehidupan orang, termasuk kehidupan diri sendiri.

Seterusnya, kita patut menjadi teladan melalui sikap kita. Ia bermakna kita berusaha untuk memperoleh kebaikan, kesyukuran, pengampunan, dan berniat baik dalam kehidupan kita. Sifat-sifat ini akan menyediakan suatu roh yang akan menyentuh kehidupan orang sekeliling. Bertahun-tahun saya telahpun berpeluang untuk bergaul dengan individu-individu yang mempunyai roh sedemikian. Kita mengalami perasaan yang istimewa apabila bersama mereka, perasaan yang membuat kita ingin mengaitkan diri dengan mereka dan mengikuti teladan mereka. Mereka memancar Cahaya Kristus dan membantu kita merasai kasih-Nya untuk kita semua.

Untuk menggambarkan bahawa cahaya dari seseorang yang suci dan penyayang boleh dikenali oleh orang, saya ingin berkongsi satu pengalaman beberapa tahun dahulu.

Pada masa itu, ketua-ketua Gereja berjumpa dengan pegawai-pegawai Yerusalem untuk merundingkan perjanjian penyewaan tanah di mana Pusat Gereja Yerusalem akan dibina. Untuk memperoleh kebenaran yang diperlukan, Gereja bersetuju agar tiada ahli yang tinggal di pusat itu akan mengkhutbah. Selepas perjanjian tersebut dibuat, seorang pegawai Israel, yang sudah biasa dengan Gereja dan ahlinya, berkata bahawa dia tahu Gereja akan menghormati perjanjian itu. "Tetapi," dia berkata, merujuk kepada pelajar-pelajar yang menghadiri pusat itu, "apa yang boleh kita buat berkenaan mata-mata mereka yang bersinar?"⁴ Semoga cahaya

istimewa ini sentiasa menyinar dalam diri kita, agar ia boleh dikenali dan dihargai oleh orang lain.

Menjadi teladan iman bermakna kita percayai Tuhan dan firman-Nya. Ia bermaksud kita miliki dan kita memelihara kepercayaan yang akan membimbing pemikiran dan tindakan kita. Iman kita terhadap Tuhan Yesus Kristus dan Bapa Syurgawi akan mempengaruhi apa jua yang dilakukan. Di tengah-tengah keadaan kebingungan dalam zaman kita, konflik suara hati, dan kerusuhan dari kehidupan sehari-hari, iman yang tetap menjadi sebuah sauh bagi kehidupan kita. Ingatlah bahawa iman dan sangsi tidak boleh wujud bersama dalam minda pada masa yang sama, kerana satu akan menghapuskan yang lain. Saya menegaskan apa yang kita telah diberitahu berulang kali—untuk memperoleh dan mengekalkan iman yang kita perlu, adalah sangat penting untuk membaca, mengkaji dan merenungkan kitab suci. Komunikasi bersama Bapa Syurgawi melalui doa sangatlah penting. Kita tidak mampu untuk mengabaikan perkara-perkara ini, kerana musuh dan pengikut-pengikutnya bertungkus lumus mencari kelemahan kita, iaitu pengurangan dalam keimanan. Tuhan berfirman, "Carilah dengan tekun, berdoalah selalu, dan percayalah, dan segala sesuatu akan bekerja bersama demi kebaikanmu."⁵

Akhirnya, kita perlu menjadi suci, ini bermakna bersih dari segi badan, minda dan roh. Kita tahu badan kita satu bait suci, dan patut dilayan dengan takzim dan hormat. Minda kita patut dipenuhi dengan fikiran yang baik dan mulia dan bebas dari semua yang boleh mencemar. Kita perlu berkecayaan agar kita peroleh Roh Kudus sebagai teman sentiasa. Saudara dan saudari, kemurnian akan memberi ketenangan dan melayakkan kita untuk menerima janji Juruselamat. Dia telah berfirman, "Berbahagialah orang yang murni hati, mereka akan mengenal Tuhan."⁶

Apabila kita membuktikan diri sebagai teladan dalam kata-kata, pertuturan, ihsan, dalam roh, iman, dan dalam kemurnian, kita akan berkelayakan untuk menjadi cahaya kepada dunia.

Saya ingin berkata kepada anda, terutamanya anda yang muda, bahawa apabila dunia semakin menjauhi dari prinsip-prinsip dan garis panduan yang diberi oleh Bapa Syurgawi, kita akan menonjol dari orang ramai kerana kita berbeza. Kita akan menonjol kerana kita berpakaian dengan sopan. Kita berbeza kerana kita tidak menggunakan kata-kata yang tidak senonoh dan kerana kita tidak mengambil bahan yang boleh membahayakan badan kita. Kita berbeza kerana kita mengelak jenaka yang tidak wajar dan ulasan yang menghina. Kita berbeza apabila kita mengambil keputusan untuk tidak mengisi minda dengan bahan media yang tidak bermoral dan yang merendahkan dan yang akan menyebabkan Roh meninggalkan rumah dan kehidupan kita. Kita sudah pasti menonjol apabila kita membuat pilihan berkenaan sifat moral—pilihan-pilihan yang selari dengan prinsip dan piawai Injil. Perkara-perkara yang membuat kita berbeza daripada dunia jugalah membekalkan kita cahaya dan roh yang akan menyinar dalam dunia yang semakin gelap.

Kerap kali ia sangat susah untuk menjadi berlainan dan menonjol dalam kumpulan orang ramai. Lazimnya kita takut apa yang akan dikatakan oleh orang lain. Kata-kata mazmur memberi ketenangan: "Tuhan adalah cahayaku dan penyelamatku; aku tidak takut kepada sesiapa pun? Tuhan melindungi aku daripada segala bahaya; aku tidak akan gentar?"⁷ Apabila Kristus dijadikan pusat dalam kehidupan kita, ketakutan akan diganti dengan keberanian pendirian kita.

Kehidupan kita semua tidaklah sempurna, dan ada masanya cabaran dan kesusahan yang dihadapi sangat hebat, sehinggakan cahaya kita menjadi malap. Namun, dengan bantuan

Bapa Syurgawi, dan sokongan dari yang lain, kita boleh mendapat semula cahaya yang menyinari lorong kita sekali lagi dan memberi sinaran cahaya kepada mereka yang memerlukannya.

Untuk menggambarannya, saya ingin berkongsi kata-kata yang menyentuh hati dari puisi kegemaran yang dibaca bertahun dahulu:

*Saya terjumpa seorang yang tidak dikenali pada satu malam
Di mana pelitanya telah pun padam.
Saya berhenti untuk membenarkan dia menyalakan
Pelitanya dengan menggunakan pelita saya.*

*Ribut kencang datang
kemudiannya
Dan menggoncangkan dunia.
Dan apabila angin ribut berhenti
Pelita saya terpadam!*

Kembalilah orang yang tidak dikenali tadi—

*Pelitanya bernyala terang!
Dia memegang nyalaan api tersebut
Dan menyala pelita saya!⁸*

Saudara dan saudari, peluang untuk menyinar sentiasa ada di sekeliling kita, setiap hari, tidak mengira apa jua keadaan. Apabila kita mengikut teladan Juruselamat, kita akan berpeluang untuk menjadi cahaya dalam kehidupan orang lain, tak kira ahli keluarga sendiri dan rakan-rakan, rakan sekerja, kenalan atau orang yang tidak dikenali.

Setiap anda putera atau puteri Bapa Syurgawi kita. Kamu telah meninggalkan hadirannya untuk datang ke bumi ini buat seketika, untuk mencerminkan kasih dan ajaran Juruselamat dan membiarkan cahaya anda menyinar kepada semua dengan berani. Apabila masa di bumi berakhir, jika anda telah menyempurnakan peranan anda, anda akan mendapat berkat yang gemilang iaitu kembali untuk hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.

Betapa menyakinkan kata-kata Juruselamat: “Akulah cahaya bagi dunia. Orang yang mengikut Aku tidak akan berjalan dalam kegelapan, tetapi beroleh cahaya yang memberikan hidup.”⁹ Saya bersaksikan Dia. Dialah Juruselamat dan Penebus, Pembela bersama Bapa. Dialah Contoh Terbaik dan asas kekuatan kita. Dialah “terang yang bersinar dalam kegelapan.”¹⁰ Semoga semua yang mendengari suara saya akan berikrar untuk mengikut-Nya, agar menjadi cahaya yang menyinar dalam dunia, adalah doa saya dalam nama kudus-Nya, Yesus Kristus Tuhan, amin.


NOTA

1. Matius 5:16.
2. 1 Timotius 4:12.
3. Moroni 7:47.
4. Lihat James E. Faust, “The Light in Their Eyes,” *Liahona*, Nov. 2005, 20.
5. Ajaran dan Perjanjian 90:24.
6. Matius 5:8.
7. Mazmur 27:1.
8. Lon Woodrum, “Lamps,” *The Lighted Pathway*, Okt. 1940, 17.
9. Yohanes 8:12.
10. Ajaran dan Perjanjian 6:21.

Ajaran-ajaran untuk Masa Kita

Dari November 2015 sehingga April 2016, pelajaran pada hari Ahad keempat Imam Melkisedek dan Lembaga Pertolongan harus disediakan dari satu atau lebih ucapan yang diberi di persidangan umum Oktober 2015. Pada April 2016, ucapan dapat dipilih dari antara persidangan umum April 2016 atau Oktober 2015. Presiden pancang dan daerah harus memilih ucapan untuk digunakan di kawasan mereka atau menugaskan tanggungjawab ini kepada uskup dan cabang presiden.

Ucapan-ucapan dalam banyak bahasa tersedia di conference.lds.org.



Oleh Presiden Henry B. Eyring

Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama

Roh Kudus sebagai Peneman

Kita boleh, jika kita berkelayakan, mendapat berkat Roh untuk bersama kita, bukan sahaja kadangkala tetapi sentiasa.

Saudara dan saudari yang dikasihi, saya bersyukur dapat bersama anda pada hari Sabat ini di persidangan Gereja Tuhan. Saya telah merasai, seperti anda rasai, Roh Kudus yang bersaksi akan kebenaran kata-kata dan nyanyian yang telah kita dengari.

Matlamat saya hari ini adalah untuk meningkatkan keinginan dan ketekunan anda untuk menuntut berkat yang dijanjikan kepada kita semua selepas pembaptisan. Ketika kita ditetapkan kita mendengar kata-kata ini: "Terimalah Roh Kudus."¹ Semenjak itu, kehidupan kita berubah untuk selama-lamanya.

Kita boleh, jika kita berkelayakan, mendapat berkat Roh untuk bersama kita, bukan sahaja kadangkala, seperti pengalaman hebat yang dilalui hari ini, tetapi sentiasa. Anda tahu dari kata-kata doa sakramen bagaimana janji itu dipenuhi: "Ya Tuhan, Bapa yang Kekal, kami mohon kepada-Mu dalam nama Putera-Mu, Yesus Kristus, untuk memberkati dan menguduskan roti ini bagi jiwa mereka semua yang

mengambilnya, agar mereka boleh makan sebagai ingatan akan tubuh Putera-Mu, dan bersaksi kepada-Mu, ya Tuhan, Bapa yang Kekal, bahawa mereka bersedia mengambil ke atas diri mereka nama Putera-Mu, dan selalu mengingat-Nya dan menaati perintah-perintah-Nya yang telah Dia berikan kepada mereka."

Dan kemudian datangnya janji murni ini: "agar mereka boleh *selalu* memiliki Roh-Nya bersama mereka." (A&P 20:77; penekanan ditambahkan).

Memperoleh Roh sentiasa bermaksud mendapat bimbingan dan arahan Roh Kudus dalam kehidupan kita sehari-hari. Contohnya, Roh memberi amaran kepada kita untuk menentang godaan untuk berbuat jahat.

Kerana sebab itu sahaja, sangat senang untuk kita fahami mengapa hamba-hamba Tuhan cuba meningkatkan keinginan kita untuk menyembah Tuhan dalam pertemuan sakramen. Jika kita mengambil sakramen dengan beriman, Roh Kudus boleh melindungi kita dan orang

tersayang kita dari godaan yang kuat dan kerap.

Penemanan Roh Kudus membuatkan yang baik menjadi lebih menarik dan mengurangkan tekanan godaan. Itu sahaja sudah cukup untuk memberi azam bagi kita supaya Roh sentiasa bersama kita.

Selain dari menguatkan kita daripada tentangan jahat, Roh juga memberi kita kuasa untuk mentafsir di antara kebenaran dan kepalsuan. Kebenaran yang paling penting disahkan hanya melalui wahyu dari Tuhan. Kewajaran manusia dan penggunaan deria jasmani kita tidak mencukupi. Mereka yang paling bijak juga akan menghadapi kesukasan dalam membuat perbezaan di antara kebenaran dan penipuan hebat.

Tuhan mengajar Rasul-Nya Thomas, yang telah menginginkan bukti Pembangkitan Juruselamat dengan menyentuh luka-luka-Nya, bahawa wahyu itu bukti yang lebih nyata: "Yesus berkata kepadanya, Thomas, kamu percaya kerana kamu telah melihat Ku: berbahagialah orang yang percaya meskipun tidak melihat Ku" (Yohanes 20:29).

Kebenaran yang menandakan jalan untuk kembali ke Tuhan ditentusahkan oleh Roh Kudus. Kita tidak dapat pergi ke Sacred Grove untuk melihat Bapa dan Putera bercakap dengan Joseph Smith. Tiada bukti jasmani atau pemboleh ubah bebas logik yang dapat mengesahkan bahawa Elia datang seperti yang dijanjikan untuk menganugerahkan kunci-kunci imamat yang sekarangnya dipegang dan dijalankan oleh nabi hidup, Thomas S. Monson.

Pengesahan kebenaran akan datang ke putera atau puteri Tuhan yang telah menuntut hak untuk menerima Roh Kudus. Oleh kerana kepalsuan dan penipuan muncul bila-bila masa, kita memerlukan pengaruh Roh Kebenaran untuk mengelak detik-detik keraguan.

Ketika sebagai ahli Kuorum Dua Belas Rasul, George Q. Cannon menekankan kita untuk berusaha memperoleh Roh bersama sentiasa. Dia telah berjanji, dan saya juga berjanji, bahawa jika kita mengejar arah itu, kita “tidak akan kekurangan pengetahuan” mengenai kebenaran, “tidak ragu atau dalam kegelapan,” dan “iman akan menjadi kuat, kegem-biraan [kita] . . . sempurna.”²

Kita memerlukan bantuan yang diperoleh dari penemuan sentiasa Roh Kudus untuk satu lagi sebab. Kematian orang yang tersayang akan datang secara tiba-tiba. Kesaksian dari Roh Kudus berkenaan realiti Bapa Syurgawi yang penyayang dan Juruselamat yang telah dibangkitkan memberi kita harapan dan ketenangan apabila kehilangan orang yang tersayang. Kesaksian itu perlu-lah segar apabila kematian berlaku.

Oleh itu, kerana pelbagai sebab, kita memerlukan penemuan Roh Kudus sentiasa. Kita menginginkannya, tetapi kita tahu dari pengalaman ia tidak mudah untuk mengekalkannya. Kita semua fikir, berkata, atau melakukan pekara setiap hari yang boleh menyinggung Roh. Tuhan telah mengajar bahawa Roh Kudus akan menjadi teman kita sentiasa apabila hati kita dipenuhi ihsan dan apabila kebajikan mengisi fikiran [kita] dengan tidak ada hentinya (lihat A&P 121:45).

Kepada mereka yang bergelutan dengan piawai tinggi yang diperlukan untuk melayaki penemuan Roh, saya memberi galakkan ini. Terdapat masanya apabila anda merasai dorongan Roh Kudus. Ia mungkin telah berlaku kepada anda hari ini.

Detik inspirasi tersebut boleh dibayangkan benih keimanan yang digambarkan Alma (lihat Alma 32:28).

Tanamkan setiap satu. Anda boleh melakukannya dengan bertindak atas dorongan yang dirasakan. Inspirasi yang paling berharga adalah untuk ketahuai yang Tuhan inginkan anda lakukan. Jika ia berkenaan pembayaran perse-puluhan atau melawat seorang kawan yang bersedihan, lakukanlah. Apa jua pun, lakukanlah. Apabila anda menunjuk kesanggupan untuk patuh, Roh akan memberi banyak lagi tanggapan berkenaan apa yang Tuhan ingin anda lakukan untuk-Nya.

Apabila anda patuh, tanggapan dari Roh akan datang dengan lebih kerap, merapati penemuan yang sentiasa. Kuasa untuk memilih kebajikan akan meningkat.

Anda boleh kenali tanggapan-tanggapan tersebut untuk bertindak bagi pihak-Nya datang dari Roh atau hasrat diri. Apabila tanggapan itu berpadu dengan firman-firman Juruselamat dan nabi-nabi hidup dan rasul-rasul-Nya, anda boleh patuh dengan yakin. Kemudian Tuhan akan menghantar Roh-Nya untuk membantu anda.

Contohnya, jika anda menerima tanggapan rohani untuk menghor-mati hari Sabat, lebih-lebih lagi jika ia susah, Tuhan akan menghantar Roh-Nya untuk membantu.

Bantuan tersebut datang ke bapa saya bertahun lalu ketika dia perlu bekerja di Australia. Dia berseorangan pada satu hari Ahad, dan dia ingin mengambil sakramen. Dia tidak dapat mencari tempat pertemuan gereja kita. Jadi dia mulalah berjalan. Di setiap persimpangan dia berdoa untuk mengetahui ke arah mana untuk pergi. Selepas berjalan dan mengalih selama sejam, dia berhenti dan berdoa sekali lagi. Dia memperoleh tanggapan untuk berjalan ke arah satu lorong tertentu. Tidak lama kemudian dia mendengari nyanyian yang datang dari tingkat bawah bangunan pangsa yang berdekatan. Dia melihat ke dalam tingkap dan ternampak beberapa orang yang duduk berdekatan meja yang ditutupi dengan satu kain putih dan talam sakramen.

Itu mungkin tidak bermakna bagi anda, tetapi ia sangat hebat baginya. Dia ketahuai janji doa sakramen telahpun dipenuhi: “Selalu mengingati-Nya dan menaati perintah-perintah-Nya yang telah Dia berikan kepada mereka; agar mereka boleh selalu memiliki Roh-Nya bersama mereka” (A&P 20:77).

Itu hanya satu contoh di mana dia berdoa dan bertindak atas apa yang Tuhan inginkan melalui Roh. Bertahun-tahun dia gigih berdoa dan bertindak apabila diarah oleh Roh, seperti anda dan saya akan lakukan. Dia tidak pernah bercakap mengenai kerohaniannya. Dia hanya meneruskan pelaksanaan semua perkara-perkara kecil untuk Tuhan.

Apabila sekumpulan Orang Suci Zaman Akhir memintanya untuk mengucap, dia melakukannya. Tidak kira hanya 10 atau 50 orang atau betapa letihnya dia. Dia memberi saksi akan Bapa, Putera, dan Roh Kudus dan nabi-nabi apabila Roh mendorong.

Panggilan Gereja tertingginya adalah dalam Majlis Tinggi Pancang Bonneville Utah, di mana dia mencabut rumput ladang pancang, dan mengajar Sekolah Hari Ahad. Selama itu, Roh Kudus menjadi peneman apabila diperlukan.

Saya berdiri bersebelahan ayah di bilik hospital. Ibu saya, isterinya selama 41 tahun, terlantar di atas katil. Kami telah menjaganya selama beberapa jam. Kami mulai melihat garisan-garisan kesakitan hilang dari mukanya. Jari jemarinya, yang pada mulanya terenggam terbuka. Lengannya berehat di sisi badannya. Lengannya berehat di sisi badannya.

Kesakitan barah yang berdekad telahpun berakhir. Saya dapat melihat ketenangan pada mukanya. Dia mengambil beberapa nafas pendek, kemudian menahan, dan selepas itu sunyi. Kami berdiri menunggu untuk melihat jika satu lagi tarikan nafas akan berlaku.

Akhirnya, Ayah berkata dengan lembut, “Anak perempuan Tuhan telah pun pulang ke rumah.”

Dia tidak menangis. Ini kerana Roh Kudus telahpun memberinya gambaran jelas berkenaan siapa ibu, dari mana ibu datang, apa yang ibu telah menjadi, dan ke mana ibu akan pergi. Roh telah bersaksi kepadanya banyak kali mengenai Bapa Syurgawi yang penyayang, Juruselamat yang telah mengatasi kematian, dan kebenaran pemeteraian bait suci yang dikongsi bersama isteri dan keluarganya.

Roh telahpun sekian lama menyakinkannya bahawa kebaikkan dan keimanan isterinya telah memenuhi syarat bagi dia untuk kembali ke rumah syurgawi di mana dia akan diingati sebagai anak perjanjian yang bagus dan dialukan kembali dengan hormat.

Untuk ayah saya, ianya lebih daripada hanya sebuah harapan. Roh Kudus telah membuat ia kenyataan baginya.

Namun, ada yang mungkin berkata bahawa kata-katanya dan gambaran dalam mindanya berkenaan rumah syurgawi hanyalah perasaan yang manis, penilaian keruh seorang suami yang kehilangan isteri. Tetapi dia tahu akan kebenaran abadi dengan cara yang hanya boleh untuk mengetahuinya.

Tetapi dia tahu akan kebenaran abadi dengan cara yang hanya boleh untuk mengetahuinya. Dia telah menggunakan alat radas sains dengan pandai dan dihormati oleh rakan setaraf di seluruh dunia. Kebanyakan apa yang dilakukan dalam makmal kimia datang dari penglihatan minda berkenaan pergerakan molekul-molekul yang kemudiannya disahkan melalui eksperimen dalam makmal.

Namun dia mengikut arah yang lain untuk menemui kebenaran yang sangat bermakna kepadanya dan setiap orang. Hanya melalui Roh Kuduslah kita boleh melihat orang dan kejadian sepertimana Tuhan melihat.

Kurniaan itu berterusan di hospital selepas isterinya meninggal dunia. Kami mengumpul semua barang ibu untuk dibawa balik ke rumah. Ayah mengucapkan terima kasih kepada

setiap jururawat dan doktor yang dijumpai sepanjang perjalanan ke kereta. Saya teringat lagi pada masa itu saya terasa, dengan sedikit marah, bahawa kita patut pergi untuk berdu-kacita sendirian.

Sekarang saya sedar bahawa dia melihat hanya apa yang Roh Kudus telah tunjuk kepadanya. Dia melihat mereka sebagai malaikat yang telah dihantar oleh Tuhan untuk menjaga isteri kesayangannya. Mereka mungkin hanya melihat diri sebagai pekerja kesihatan, tetapi Ayah berterima kasih atas layanan mereka bagi pihak Juruselamat.

Pengaruh Roh Kudus berlanjutan bersamanya apabila kami tiba di rumah ibu bapa saya. Kami bersembang seketika di ruang tamu. Ayah mengundur diri untuk ke bilik tidur yang berdekatan.

Selepas beberapa minit, dia kembali ke ruang tamu. Dia tersenyum ramah. Dia berjalan ke arah kami dan berkata dengan lembut, "Saya terasa risau Mildred akan sampai ke dunia roh berseorangan. Saya fikir dia akan berasa sesat dalam kalangan orang ramai."

Kemudian dia berkata dengan cerianya, "Saya berdoa tadi. Saya tahu Mildred selamat. Ibu saya berada di sana untuk menerimanya."

Saya mengingati diri tersenyum selepas dia berkata demikian, membayangkan nenek saya, kaki pendeknya berlari, bergegas di kalangan orang ramai untuk memastikan dia dapat bertemu dan memeluk menantunya sebaik tiba.

Salah satu sebab mengapa ayah saya telah meminta dan menerima ketenangan tersebut adalah kerana dia sentiasa berdoa dengan beriman sejak kecil lagi. Dia sudah biasa menerima jawapan yang datang ke dalam hatinya untuk mendapat ketenangan dan arahan. Selain daripada tabiat berdoa, dia tahu ayat suci dan kata-kata nabi hidup. Jadi dia telahpun jinak dengan bisikan Roh, sepertimana anda telah rasai hari ini.

Penemanan Roh bukan sahaja

telah menenang dan mengarahnya. Ia telah menukarkannya melalui Korban Tebusan Yesus Kristus. Apabila kita menerima janji bahawa Roh akan sentiasa bersama, Juruselamat dapat memberi kita penyucian yang diperlukan untuk kehidupan abadi, yang kurnia itu terbesar daripada segala kurnia Tuhan (lihat A&P 14:7).

Anda ingati firman Juruselamat: "Sekarang inilah perintah itu: Bertaubatlah, kamu segenap hujung bumi, dan datanglah kepada-Ku dan dibaptiskanlah dalam nama-Ku, agar kamu boleh dikuduskan melalui penerimaan Roh Kudus, agar kamu boleh berdiri tanpa noda di harapan-Ku, pada hari terakhir" (3 Nefi 27:20).

Perintah-perintah tersebut datang bersama janji ini dari Tuhan:

"Dan sekarang, sesungguhnya, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, taruhlah kepercayaanmu kepada Roh itu yang menuntun untuk melakukan yang baik—ya, untuk melakukan dengan adil, untuk berjalan dengan rendah hati, untuk menghakimi dengan benar; dan inilah Roh-Ku.

"Sesungguhnya, sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, Aku akan memberi kepadamu dari Roh-Ku, yang akan menerangi fikiranmu, yang akan mengisi jiwamu dengan sukacita" (A&P 11:12-13).

Saya bersaksi bahawa Tuhan Bapa hidup, Yesus Kristus yang telah dibangkitkan mengetuai Gereja-Nya, bahawa Presiden Thomas S. Monson memegang kesemua kunci-kunci imamat, dan wahyu yang diperoleh melalui Roh Kudus memimpin dan menyokong Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dan ahli-ahlinya.

Saya juga bersaksi kepada anda bahawa kesemua saudara-saudara yang telah berucap kepada kita hari ini sebagai saksi-saksi Tuhan Yesus Kristus, sebagai ahli-ahli Kuorum Dua Belas Rasul, adalah dari panggilan Tuhan. Saya tahu bahawa Roh telah memimpin Presiden Monson untuk memanggil mereka. Dan apabila anda

mendengari dari mereka dan kesaksian masing-masing, Roh Kudus akan mengesahkan kepada anda apa yang saya katakan kepada anda sekarang. Mereka dipanggil oleh Tuhan. Saya menyokong dan mengasihi mereka dan ketahui bahawa Tuhan mengasihi mereka dan akan menyokong dalam perkhidmatan mereka. Saya melakukannya dalam nama Yesus Kristus, amin.

NOTA

1. *Handbook 2: Administering the Church* (2010), 20.3.10.
2. Lihat George Q. Cannon, dalam "Minutes of a Conference," *Millennial Star*, Mei 2, 1863, 275–76.

© 2015 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicitak di USA. Kelulusan bahasa Inggeris: 6/15. Kelulusan penterjemahan: 6/15. Penterjemahan *Visiting Teaching Message*, November 2015. Malay. 12591 348